

1hb April 2026

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

**PENAWARAN TEMPAT LATIHAN BAGI PELAJAR PRAKTIKAL ATAU LATIHAN INDUSTRI**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa syarikat kami **BRENNER SOLUTIONS SERVICES SDN BHD** merupakan syarikat kontraktor M&E Bumiputera yang menyediakan Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Penunu Gas dan Sistem Dandang.

2. Kami ingin membuat tawaran kepada pelajar-pelajar yang berminat dari institusi pendidikan Tuan/Puan bagi tujuan latihan industri/praktikal di syarikat kami. Antara bidang/jurusan yang diperlukan/berkaitan adalah seperti berikut:

- |                             |   |
|-----------------------------|---|
| i) Kejuruteraan Elektrikal  | ii) Pemasaran/Multimedia                    |
| iii) Kejuruteraan Mekanikal | iv) Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara |

3. Pejabat operasi kami beralamat di No 39-1, Jalan Tanjung Rhu 30/165, Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30, 40460 Shah Alam, Selangor.

4. Kami amat berbesar hati sekiranya pihak kami boleh turut serta dalam menyediakan tempat latihan praktikal untuk sama-sama memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar-pelajar situasi sebenar apabila melangkah ke sektor pekerjaan dan juga membantu dalam meningkatkan nilai tambah bagi pelajar-pelajar tersebut.

5. Pihak Tuan/Puan boleh menghubungi kami di **010-203 4282** ( Puan Sal) untuk mendapatkan butiran lengkap atau sebarang pertanyaan atau emailkan kepada [admbsssb18@gmail.com](mailto:admbsssb18@gmail.com).

6. Kepada pelajar-pelajar yang berminat, boleh emailkan surat permohonan, resume /keputusan transkrip yang terakhir ke alamat email diatas untuk rujukan dan tindakan pihak kami.

7. Untuk makluman pihak syarikat juga akan memperuntukkan Elaun Praktikal kepada para pelajar praktikal yang menjalankan latihan praktikal di syarikat kami. Kerjasama dan pertimbangan pihak Tuan/Puan berkenaan perkara di atas amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
MOHD SYAHRIFUDEEN BIN MOHD SANUSI  
PENGARAH URUSAN  
BRENNER SOLUTIONS SERVICES SDN BHD